

Memoir Pustakawan

KISAH
ORANG
PUSTAKA



penyelenggara

Nor Azzah Momin | Khairulbahiyah Yaakub
Siti Azizah Md. Nor | Noraini Abdul Rahman



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

23/8/2024
Lil
RM 30.00

#

✓ 15/5/2025
TOM
FOC

MEMOIR PUSTAKAWAN

Kisah Orang Pustaka



PUSTAKA PERDANA



1013893

KataPilar
Books



Buku **Memoir Pustakawan** ini diterbitkan oleh
Penerbitan Kata-Pilar (1342133-V)
No.7, Jalan Penggawa 3/2, Bandar Mahkota Cheras,
43200 Cheras, Selangor

E-mel rasmi: penerbitankatapilar@gmail.com
Penghantaran manuskrip: katapilarkarya@gmail.com
Web: katapilar.com
Facebook: fb.com/katapilarbooks
Instagram: @katapilarbooks
X: @katapilarbooks
TikTok: @katapilarbooks

Cetakan Pertama, April 2024
Penerbitan © Penerbitan Kata-Pilar
Teks © Para Penulis

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian tulisan, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa bentuk jua dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan Kata-Pilar dan penulisnya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

ISBN: 978-967-2796-34-3



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-2796-34-3

Reka Letak: Arif Zulkifli
Pencetak: Jin Wai Enterprise
No. 622, Jalan 17/8, Taman Gembara,
46400, Petaling Jaya, Selangor.



Penerbit merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia yang menyalurkan dana untuk penerbitan buku ini dan Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Urus Setia Penggerak Industri Buku Negara.

CATATAN: Sebagai menjaga privasi dan anonimositi watak terlibat, semua cerita yang dimuatkan adalah berdasarkan pengalaman sebenar tetapi telah ditukar beberapa perincian secara terancang agar tidak mendedahkan identiti sebenar.

808.882
MEM



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MEMOIR PUSTAKAWAN

Kisah Orang Pustaka

- Asrizam Awang Aman
- Azizan Arshad
- Engku Norulizati Engku Aziz
- Fadliah Darini
- Faizah Shahbudin
- Japri Bujang Masli
- Juliza Ramzi
- Kamariah Abu Samah
- Khairulbahiyah Yaakub
- Marhaniza Abdul Halim
- Mawar Noor Abdullah
- Muhammad Nooramin bin Mohd Hassan
- Noor Lela binti Osman
- Nor Azzah Momin
- Noor Rashidalila binti Ab Rashid
- Nordelina Zulkarnain
- Nurul Akmar Mehat
- Nurul Elmy Mohd Yusof
- Radia Banu Jan Mohamad
- Rasida Abu Bakar
- Rokiah Mohd Kasim
- Siti Affah Che Ismail
- Siti Azizah Md Nor
- Siti Saluwa Jamal
- Siti Suhana Adnan
- Siti Zaleha Samad
- Sri Muniarty John
- Suhani Saarani
- Wan Noraini Wan Abdullah
- Zafarina Dol

Diselenggarakan oleh:

- Nor Azzah Momin
- Khairulbahiyah Yaakub
- Siti Azizah Md. Nor
- Noraini Abdul Rahman





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISI KANDUNGAN

CATATAN PENYELENGGARA	1
NOMBOR TELEFON <i>Asrizam Awang Aman</i>	3
BUKAN PENDIDIK TETAP MENDIDIK! <i>Azizan Arshad</i>	13
SETEGUH IMPIAN SERIBU KEJAYAAN <i>Engku Norulizati Engku Aziz</i>	21
MACHINE READABLE CATALOGUE (MARC) <i>Fadliah Darini</i>	31
WARNA-WARNA PERJALANAN SEORANG PUSTAKAWAN <i>Faizah Shahbudin</i>	39
PERPUSTAKAAN HEBAT <i>Japri Bujang Masli</i>	47
IMPIAN SI GADIS TEBU <i>Juliza Ramzi</i>	55
CINTA PUSTAKAWAN PADA AKSARA WATAN <i>Kamariah Abu Samah</i>	63
BACA CELIK HATI <i>Khairulbahiyah Yaakub</i>	75

TAKDIRNYA AKU SEORANG PUSTAKAWAN	85
<i>Marhaniza Abdul Halim</i>	
DARI SEGAMAT KE OHIO	93
<i>Mawar Noor Abdullah</i>	
PERPUSTAKAAN UNTUK SEMUA	101
<i>Muhammad Nooramin Bin Mohd Hassan</i>	
DOKTOR BUKU	109
<i>Noor Lela Binti Osman</i>	
MEMBURU BUKU DI PINGGIRAN NIL	119
<i>Nor Azzah Momin</i>	
DIA PRESIDEN SAYA	129
<i>Noor Rashidalila Binti Ab Rashid</i>	
MAHALNYA SENYUMAN ITU	137
<i>Nordelina Zulkarnain</i>	
AWAS! LAMPU MERAH	145
<i>Nurul Akmar Mehat</i>	
IBRAH DARI BUMI SYRIA	155
<i>Nurul Elmy Mohd Yusof</i>	
PENGERUSI BIDAN TERJUN	165
<i>Radia Banu Jan Mohamad</i>	
PINDAH BUKAN MUDAH	175
<i>Rasida Abu Bakar</i>	



PUSTAKA UNTUK KOMUNITI <i>Rokiah Mohd Kasim</i>	183
AKULAH PUSTAKAWAN ITU! <i>Siti Afifah Che Ismail</i>	193
LUBUK DI SEBALIK RUMPUN <i>Siti Azizah Md Nor</i>	201
SENDIRI BUKAN BERERTI MATI <i>Siti Saluwa Jamal</i>	209
CINTA DESA YANG TIDAK DIDENDANG <i>Siti Suhana Adnan</i>	217
DI LUAR KOTAK <i>Siti Zaleha Samad</i>	225
AKU PROMOTER PERPUSTAKAAN <i>Sri Muniarty John</i>	233
BUKAN ANGAN-ANGAN MAT JENIN <i>Suhani Saarani</i>	243
DARI RAK BUKU KE GERBANG MAYA <i>Wan Noraini Wan Abdullah</i>	251
KELAS OH KELAS <i>Zafarina Dol</i>	259
BIODATA PENULIS	266

CATATAN PENYELENGGARA

Syukur alhamdulillah, atas rezeki yang dikurniakan dan keizinan Allah SWT, maka terlaksanalah hasrat hati para pustakawan untuk menerbitkan buku antologi Memoir Pustakawan ini. Projek ini adalah salah satu platform yang memberi ruang kepada pustakawan untuk berkarya selain berkongsi pengalaman berharga sepanjang berkhidmat sebagai pustakawan. Setiap karya yang dihasilkan adalah perkongsian berdasarkan kisah benar dan pengalaman yang dialami sendiri oleh para penulis.

Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada para penulis yang telah bersama-sama menyumbang karya dalam usaha untuk menjayakan projek sulung Grup Pengkarya Pustakawan (GPP). Sebanyak 27 buah karya telah dimuatkan ke dalam antologi ini. Semoga setiap kisah yang dikongsi mampu memberi iktibar dan membawa manfaat kepada para pembaca.

Nor Azzah Momin

Khairulbahiyah Yaakub

Siti Azizah Md. Nor

Noraini Abdul Rahman



NOMBOR TELEFON

Asrizam Awang Aman



“**K**au ni mata duitan, ya?” Itulah yang terpacul keluar daripada mulut salah seorang penemu duga tempat aku ditugaskan ketika sesi temu duga pada hujung tahun 2008.

‘Mau makan maki orang tua ni,’ bentak hatiku geram.

Tiba-tiba suara bapaku terngiang-ngiang di telinga. “Ingat, adab kena jaga. Tutur kata biar lembut dan teratur.” Begitulah pesanannya kepadaku beberapa hari sebelum aku berangkat ke Kota Kinabalu untuk mencuba nasib mencari kerja.

“Apa susah guru? Cakap *ja*, cakap, cakap” Aku teringat pula pesanan Rosli Jemarin tempoh hari, sambil dia meniru gaya Tuan Direktor Ahmad Nisfu dalam filem *Seniman Bujang Lapok* ketika aku meluahkan betapa kurangnya kesediaan aku untuk menghadapi temu duga kali ini.

Aku menarik nafas dalam-dalam, sebelum menghembuskannya keluar secara perlahan-lahan. Aku cuba untuk menggabungkan kedua-dua nasihat yang dititipkan kepadaku sebelum aku memulakan bicara.

“Tuan, orang bawahan macam saya ini, motivasinya memang duit. Ada duit, saya kerja. Tiada duit, penat *ja* kerja tuan. Lainlah dengan orang besar-besar. Mereka kerja sebab mahukan penghargaan, ketokohan. Minat tak minat, janji ada duit, saya kerja tuan.” Ya,⁴ betul. Aku bukan peminat buku. Aku tidak membeli buku, apatah lagi membacanya, tetapi tangan ini terasa gatal pula hendak memohon bekerja di perpustakaan.

Tanggal 18 Mei 2009 menyaksikan hari pertama aku memijakkan kaki di Perpustakaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah. Aku berdiri di hadapan sebuah pintu kayu. Di sebelah kananku ada sebuah Mesin Teler Automatik kepunyaan Bank Simpanan Nasional (BSN). Manakala sebelah kiriku pula ada sebuah asrama lama yang usang dan tidak berpenghuni.



Perpustakaan UiTM Sabah.

‘Mesti berpuaka,’ bisik hatiku.

Aku dibawa oleh kakitangan pentadbiran untuk diserahkan kepada pentadbiran perpustakaan sebelum melaporkan diri kepada timbalan ketua pustakawan.

Saat melangkah ke dalam bangunan tersebut, memori ketika zaman belajar dan tinggal di asrama dahulu muncul. Keluasan bangunan ini seperti dewan makan di asrama — lebar dan memanjang ke belakang.

“Ingat, Zam. Jangan panggil dia bos, panggil encik saja,” pesan Puan Ainon, pembantu tadbir yang ditugaskan untuk mengurus tadbir di sini. Belum sempat aku bertanyakan sebabnya, Puan Ainon menyambung lagi, “Boss tu jenama kasut, dia tak suka.”

Unit Katalog adalah unit aku ditempatkan. Saat mendengar nama unit tersebut, yang terbayang dalam fikiran ialah aku perlu mengambil gambar buku-buku yang ada di sini untuk dijadikan buku seperti katalog Cosway yang ada pada emak.

Sangkaanku ternyata meleset. Aku tidak perlu mengambil gambar, aku cuma perlu memasukkan maklumat penting berkaitan buku ke dalam sistem ILMU sebelum dihantar ke rak. Menurut rakan seniorku di unit ini, Encik Mohammad Ismail, tujuannya adalah untuk memudahkan pencarian buku dan pinjaman oleh para pelajar.

Maklumat - penting? Masukkan data? Memudahkan pencarian? Memang sah, aku kena baca buku-buku itu. Terasa berat sungguh tugas ini untuk orang yang tidak gemar membaca buku seperti aku.

Dengan hanya berbekalkan sebuah buku yang agak nipis yang sarat dengan tangkap layar menu *Bibliographic Organisation*, aku memulakan perjalananku sebagai seorang pembantu perpustakaan yang tidak membaca.

Tangkap layar itulah bekal untuk aku memulakan tugas yang diberikan. Mengkatalog dan mengelaskan buku dengan hanya melihat pada contoh tanpa sebarang

pengetahuan asas mengenainya. Agar tidak sesat di tengah jalan, aku merajinkan diri untuk membuka mulut dan bertanya tentang cara memasukkan maklumat dengan betul. Ada pertanyaan yang dapat dijawab, ada juga yang tidak.

Rakan sekerja mencadangkan agar aku bertanya kepada Puan Zarina Musa, pustakawan yang menjaga unit yang aku duduki. Menurut mereka, Cik Puan ini antara orang yang cemerlang dalam mengkatalog dan mengelaskan buku-buku ketika dia belajar di universiti dulu. Saat itu, barulah aku tahu bahawa kerja yang aku lakukan ini mempunyai subjeknya tersendiri di universiti. Aku pula ditinggalkan dengan tangkap layar tanpa penerangan yang jelas.

Setelah hampir sehari bergelumbang dengan buku, perasaan tertekan dan rimas makin memuncak. Bukan kerana aku jarang membelek buku sepanjang hidup, tetapi kerana aku masih bingung dan terkejut dek istilah serta kaedah yang asing bagi aku.

Aku hampir putus asa, tetapi kerja perlu diteruskan juga. Tiada kerja, tiada duit!

Melihat pada keadaan rakan-rakan yang sudah mula menjawab pertanyaan bertalu-talu aku secara endah tak endah, aku memutuskan untuk merehatkan mereka daripada soalan-soalan baharu dan mula bertanya kepada Puan Zarina pula.

Pintu bilik yang sedia terbuka, aku ketuk perlahan.

“Assalammualaikum, puan.”



“Walaikumussalam, jemput masuk,” jawabnya ringkas.

“Ada apa yang boleh saya bantu?” tanya Puan Zarina dengan senyuman yang melebar.

“Macam ni, puan. Saya tak jumpa nombor telefon penerbit ni. Tinggal tag 090 ni saja yang saya belum masukkan,” terangku sambil menunjukkan *Verso page*, halaman penting yang memuatkan butiran tentang buku.

Aku lihat beliau diam. Mulutnya tertutup rapat seperti dikunci. Wajah bulatnya semakin bulat pada bahagian pipi persis belon yang kembang, menanti untuk pecah.

Tiba-tiba dia menghambur tawa, memecah kesunyian yang menyelubungi selepas pertanyaan aku tadi. Dengan nafas yang tersekat-sekat, beliau cuba menjawab pertanyaan aku, tetapi tidak berjaya. Baru sahaja dia hendak membuka mulut untuk mula bicara, tawa menjadi penghalangnya.

“Gini, Zam. Pertama, awak kena tahu buku ni pasal apa, barulah kita boleh buat tag 090 ni, untuk bezakan antara satu buku dengan yang lain,” jelasnya tanpa menggunakan istilah-istilah yang memudaratkan otak.

“Nama lain dia adalah nombor kelas. Nanti kita akan cetak dan lekat di tepi buku ni,” sambungnya sambil menunjukkan contoh pada tulang buku.

Ketika itu, barulah aku faham maksud memudahkan pencarian untuk pelanggan. Ternyata kerja di perpustakaan bukan sekadar menyusun buku membuta-tuli, tetapi menyusun buku mengikut kelasnya.



Ketawa Puan Zarina yang sangat kuat tadi menarik minat Encik Zakarimat Mattiong yang kebetulan berada berdekatan. Setelah Puan Zarina menceritakan kepadanya tentang apa yang terjadi dengan tawa yang masih bersisa, Encik Zakarimat Mattiong menceritakan padaku tentang kisahnya pula.

“Beruntung anak-anak muda macam kamu ni sebenarnya. Aku lagi palui (bodoh). Guna komputer pun tidak pandai. Gerakkan *mouse* ni sampai tak cukup meja, aku sambung dengan buku di tepi meja ni,” ceritanya teruja sambil menunjukkan aksinya sekali.

Hari demi hari berlalu dengan aku yang terus bergelumbang bersama buku-buku yang bertimbun dan tidak tahu bila akan habisnya.

Pertanyaan demi pertanyaan akan aku ajukan pada rakan-rakan pengkatalogku. Sebuah demi sebuah buku telah aku rekodkan, membuatkan aku semakin cekap dengan tugasanku. Bak kata pepatah Melayu; alah bisa, tegal biasa.

Selalunya perbuatan meniru merupakan satu kesalahan besar di meja peperiksaan, tetapi tidak di meja pengkatalogan. Aku diajar untuk meniru rekod daripada perpustakaan berbeza. Banyak yang aku dapat belajar dengan melihat cara kemasukan data mereka.

Kehadiran pelajar latihan industri juga banyak membantu. Kami saling berkongsi cara bekerja dan pelajaran di dewan kuliah. Ternyata, subjek Pengkatalogan dan Pengelasan begitu sukar. Ramai yang tersungkur di peringkat ini, kata pelajar itu.



Tekanan kerana rasa diri ini tidak pandai melakukan kerja, perlahan-lahan hilang. Aku semakin selesa memegang buku. Sudah tidak rimas lagi.

“Palui tidak akan selamanya palui,” itulah ayat yang sering aku ulang dalam kepalaku.

TRIVIA PUSTAKA

Call Number

Juga dikenali sebagai Nombor Kelas atau Nombor Pengelasan. Setiap buku akan diklasifikasikan mengikut subjek atau isi utama kandungan sesebuah buku. Di dalam sistem berkomputer perpustakaan, ia akan direkodkan dengan tag bernombor 090. Manakala pada bukunya pula, nombor kelas biasanya terletak di tulang buku dan bertindak sebagai alamat buku ketika berada di rak.



Pustakawan bukan sekadar menyusun buku di rak, atau duduk di sebalik meja sambil menjeling pengunjung yang membuat bising, juga bukan hanya mengecap buku yang mahu dipinjam pengunjung. Tugas mereka adalah lebih daripada itu.

Ada pustakawan yang mewakili negara mempersembahkan manuskrip langka ke persada dunia. Ada pustakawan yang membantu menterjemahkan buku cerita kanak-kanak kepada tulisan Braille. Ada juga pustakawan yang menjelajah ke kawasan terpencil membawa Perpustakaan Bergerak dalam bentuk bas agar kanak-kanak desa dapat membaca.

Memoir Pustakawan akan menyajikan kisah para pustakawan ini, yang bukan setakat merekod buku ke dalam sistem sahaja—tetapi turut membina hubungan, menyalakan rasa ingin tahu serta memperkayakan kehidupan.

Selamat menjelajah masuk ke dalam dunia wira yang tak didendang ini!

menampilkan

Arizam Awang Aman | Azizan Arshad | Engku Norulizati Engku Aziz
Fadhiah Darini | Faizah Shahbudin | Japri Bujang Masli | Juliza Ramzi
Kamariah Abu Samah | Khairulbahiyah Yaakub | Marhaniza Abdul Halim
Mawar Noor Abdullah | Muhammad Nooramin bin Mohd Hassan
Noor Lela binti Osman | Nor Azzah Momin | Noor Rashidalila binti Ab Rashid
Nordelina Zulkarnain | Nurul Akmar Mehat | Nurul Elmy Mohd Yusof
Radia Banu Jan Mohamad | Rasida Abu Bakar | Rokiah Mohd Kasim
Siti Afifah Che Ismail | Siti Azizah Md Nor | Siti Saluwa Jamal
Siti Suhana Adnan | Siti Zaleha Samad | Sri Muniarty John
Suhani Saarani | Wan Noraini Wan Abdullah | Zafarina Dol

KISAH | RM30.00

ISBN 978-967-2796-34-3



9 789672 796343

KataPilar

Rencana



Sains Me

Memori P

Senan

